JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR

PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK
PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2012
TINGKATAN 2

21/1

SEJARAH
Kertas 1
Oktober

$1\frac{1}{4}$jam **Satu jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **60** *soalan.*

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

www.myschoolchildren.com

Kertas soalan ini mengandungi 30 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com **[Lihat halaman sebelah**

free Q papers, free skema at : www.myschoolchildren.com www.myschoolchildren.com

1 Maklumat berikut berkaitan dengan perngertian sejarah.

Sejarah membicarakan tentang masyarakat manusia, atau peradaban manusia, tentang perubahan-perubahan yang berlaku pada sifat-sifat masyarakat itu. Tokoh X

Siapakah X ?

A Herodotus

B Ibn Khaldun

C Tun Sri Lanang

D Muhd Yusof Ibrahim

2 Rajah berikut berkaitan dengan kaedah pengkajian sejarah.



Apakah X?

A Lisan

B Tafsiran

C Saintifik

D Penerokaan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

3 Jadual berikut menunjukkan lokasi Zaman Prasejarah.

Negeri	Tapak ekskavasi
Perak	Kota Tampan
Sarawak	Gua Niah

Mengapakah proses gali cari yang dijalankan di tapak ekskavasi di atas penting?

A Menerokai tamadun

B Menebus guna tanah

C Membangunkan kawasan

D Menjalankan perdagangan

4 Rajah berikut menunjukkan Zaman Prasejarah.

Zaman Paleolitik → Zaman Neolitik

Apakah perubahan yang berlaku pada Zaman Neolitik?

A Mengutip hasil hutan

B Memburu binatang liar

C Memiliki bala tentera laut

D Mempunyai sistem kemasyarakatan

5 Maklumat berikut merujuk kepada kerajaan agraria.

- Angkor
- Funan

Apakah asas kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan tersebut?

A Pertanian

B Perikanan

C Perdagangan

D Perlombongan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selango Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com [Lihat halaman sebelah

6 Maklumat berikut merujuk kepada masyarakat kerajaan awal di Asia Tenggara.

Masyarakat kerajaan maritim memerlukan barangan dari kawasan pedalaman untuk diperdagangkan di pasaran antarabangsa.

Apakah barangan yang dimaksudkan?

A Hasil laut

B Ukiran kayu

C Rempah-ratus

D Barang perhiasan

7 Senarai berikut menerangkan tindakan Parameswara.

- Menyusun pentadbiran negeri
- Menjalin hubungan diplomatik dangan China
- Menyediakan kemudahan untuk pedagang

Apakah kesan daripada tindakan tersebut?

A Islam disebar luas

B Empayar dibentuk

C Muncul pelabuhan entrepot

D Bebas dari naungan kuasa besar

8 Dialog berikut mungkin berlaku antara maharaja dan pembesar negara China.

Maharaja : Laksamana, apakah yang dikurniakan kepada Paduka Sultan Melaka?
Laksamana : Cap mohor, sepersalinan pakaian, dan sekaki payung kuning.

Apakah kesan pengurniaan tersebut kepada kerajaan Melaka?

A Perpaduan lebih kukuh

B Pemerintahan lebih teratur

C Keselamatan negara terjamin

D Kegiatan intelektual berkembang

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

9 Jadual berikut merujuk kepada jawatan dan peranan seorang pembesar Melaka.

Jawatan	Peranan
X	• Ketua Hakim • Ketua turus angkatan perang

Apakah X?

A Bendahara

B Laksamana

C Temenggung

D Penghulu Bendahari

10 Senarai berikut menunjukkan kawasan yang dianugerahkan oleh Sultan Melaka kepada pembesarnya.

Bendahara - Bentan
Laksamana - Temasik
Hulubalang - Sungai Raya

Anugerah tersebut dikenali sebagai

A jajahan takluk

B daerah warisan

C wilayah naungan

D kawasan pegangan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

11 Dialog berikut mungkin berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Raja Mendeliar : Ampun Tuanku. Patik mendapati Tun Mutahir cuba mengatasi kekayaan tuanku. Sultan Mahmud Shah: Apakah benar kata-katamu itu?

Apakah kesan daripada kata-kata Raja Mendeliar itu?

A Perpaduan terjejas

B Perang saudara tercetus

C Perebutan takhta berlaku

D Pemberontakan pembesar

12 Maklumat berikut menerangkan tindakan Sultan Mahmud Shah menolak tuntutan Portugis.

- Enggan membebaskan tawanan
- Enggan membayar ganti rugi

Apakah kesan tindakan baginda?

A Perebutan takhta

B Kejatuhan kerajaan

C Kebangkitan rakyat tempatan

D Perpindahan pusat pentadbiran

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

13 Peta berikut menunjukkan pusat Pentadbiran kerajaan Johor yang sering berpindah.



Mengapakah berlaku sedemikian?

A Menerima ancaman luar

B Mengukuhkan kuasa sultan

C Mengawal kegiatan perdagangan

D Memastikan pembangunan rakyat

14 Rajah berikut berkaitan dengan kerajaan Johor pada kurun ke-17.



Apakah X?

A Pusat pertanian

B Pusat persuratan Melayu

C Pusat pengumpulan barang

D Pusat penggubalan undang-undang

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor [Lihat halaman sebelah

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

15 Rajah berikut menunjukkan kuasa luar yang berusaha untuk menguasai Perak.



Mengapakah berlaku sedemikian?

A Meluaskan sempadan

B Menguasai bijih timah

C Menguasai hasil pertanian

D Mendapat bekalan makanan

16 Pernyataan berikut menerangkan bentuk hubungan yang terjalin antara Kelantan dengan Siam.

Pada tahun 1818, Kelantan menghantar bunga emas kepada Siam. Penghantaran bunga emas dibuat setiap tiga tahun sekali.

Mengapakah pemerintah Kelantan bertindak sedemikian?

A Mengelakkan serangan luar

B Meningkatkan hubungan jiran

C Mengukuhkan pertahanan negeri

D Menggalakkan aktiviti perdagangan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor
Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

17 Pernyataan berikutan berkaitan dengan sistem perundangan di Tanah Melayu.

Undang-undang adat merupakan peraturan yang berdasarkan amalan kebiasaan dalam masyarakat. Undang-undang ini dihafal secara turun-temurun dan menjadi peraturan yang mesti dipatuhi.

Antara berikut yang manakah merupakan undang-undang adat?

I Adat Pepatih

II Adat Temenggung

III Hukum Kanun Melaka

IV Undang-undang Laut Melaka

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com

18 Dialog berikut berkaitan dengan sistem yang diamalkan dalam masyarakat Melayu tradisional.

Apakah sistem tersebut?

A Sistem cukai

B Sistem serah

C Sistem kerah

D Sistem barter

19 Senarai berikut berkaitan dengan kepercayaan masyarakat di kawasan pedalaman Sarawak.

- Dilarang hidup menetap
- Dilarang menebang pokok besar
- Berpindah setiap kali berlaku kematian

Kumpulan etnik manakah mengamalkan kepercayaan tersebut?

A Murut

B Penan

C Bisaya

D Kenyah

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

20 Senarai berikut merupakan bentuk hukuman yang diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah.

- Babas
- Sogit
- Kepanasan

Apakah tujuan hukuman tersebut dilaksanakan?

A Memupuk kecekalan

B Mengeratkan hubungan

C Menyemai sifat keberanian

D Menanam semangat berdikari

21 Peristiwa berikut berkaitan perjanjian antara Inggeris dengan Sultan Kedah.

Tahun	Peristiwa
1786	Sultan Abdullah membenarkan Francis Light menduduki Pulau Pinang.

Mengapakah Sultan Abdullah bertindak demikian?

A Mengatasi masalah kewangan

B Menamatkan perebutan takhta

C Memajukan bidang perdagangan

D Mendapatkan bantuan ketenteraan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com [Lihat halaman sebelah

www.myschoolchildren.com

22 Petikan berikut merupakan sebahagian daripada isi kandungan surat pembesar Kedah kepada Francis Light .

"...Raja kami tidak memperkenan sahabat kami tinggal lama di Pulau Pinang, oleh itu sahabat kami hendaklah menyelesaikan urusannya secepat mungkin kerana Pulau Pinang ialah milik Raja Queda sejak zaman berzaman...."
Petikan surat daripada para pemimpin Kedah kepada Francis Light 1791

Mengapakah surat tersebut dihantar kepada Francis Light?

A Memungkiri janji

B Mengelak bayaran cukai

C Memonopoli perdagangan

D Melewatkan bayaran pampasan

23 Maklumat berikut merupakan isi perjanjian yang dimeterai antara Stamford Raffles dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman.

Syarat Perjanjian 7 Jun 1823
• Sultan dan Temenggung tidak berhak mengutip cukai • Undang-undang British dikuatkuasakan

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut ?

A Sultan hilang kuasa

B Rakyat memberontak

C Ibu negeri dipindahkan

D Johor menjadi tanah jajahan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

24 Maklumat berikut merupakan antara syarat Perjanjian Inggeris - Belanda 1824.

- Belanda tidak akan membuka petempatan baharu di Tanah Melayu.
- British tidak akan membuka petempatan baharu ke Selatan Singapura.

Apakah kesan syarat tersebut?

A Kemerosotan perdagangan

B Kebangkitan pembesar tempatan

C Pembahagian kawasan pengaruh

D Penghapusan pentadbiran tradisional

25 Peta berikut menunjukkan petempatan British yang disatukan di bawah satu pentadbiran dikenali sebagai Negeri-negeri Selat pada tahun 1826.



Mengapakah British menyatukan petempatan tersebut?

A Memantapkan kuasa raja

B Memajukan perhubungan

C Mengukuhkan pertahanan

D Menjimatkan perbelanjaan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com [Lihat halaman sebelah

26 Rajah berikut merupakan dasar pentadbiran British di Tanah Melayu.

Dasar tidak campur tangan → Dasar campur tangan

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan tersebut?

I Kekayaan hasil laut

II Persaingan kuasa Barat lain

III Kekacauan kongsi gelap Cina

IV Penindasan terhadap pedagang Barat

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

27 Jadual berikut menunjukkan penempatan Residen British di negeri Melayu.

Tahun	Residen	Kawasan
1874	J.W.W. Birch J.G.Davidson P.J.Murray	Perak Selangor Sungai Ujong
1888	J.P.Rodger	Pahang

Mengapakah Pahang lewat menerima Residen British tersebut?

A Penubuhan Majlis Penasihat

B Perlembagaan negeri digubal

C Pelaburan Eropah digalakkan

D Pentadbiran Barat dilaksanakan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor
Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

28 Pernyataan berikut berkaitan usaha British meluaskan pengaruh di Pahang.

Pada tahun 1877, Hugh Clifford dilantik sebagai wakil British di Pahang

Mengapakah British tidak berpuas hati dengan pelantikan wakil tersebut?

A Kuasa terhad

B Pengalaman kurang

C Bidang kuasa tidak jelas

D Tentangan daripada pembesar

29 Senarai berikut berkaitan kelemahan Sistem Residen.

Kelemahan Sistem Residen
• Pentadbiran tidak seragam • Undang-undang tidak selaras • Tiada panduan menjalankan tugas

British telah mengatasi masalah tersebut dengan menubuhkan

A Durbar

B Negeri-Negeri Selat

C Majlis Mesyuarat Negeri

D Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com [Lihat halaman sebelah

30 Pernyataan berikut merupakan situasi yang berlaku selepas pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896.

Residen Jeneral berkuasa dalam urusan kewangan dan cukai eksport

Apakah kesan terhadap Tanah Melayu?

A Kemajuan ekonomi terbantut

B Pengurangan kemasukan imigran India

C Pengenalan persidangan Raja-raja Melayu

D Kemerosotan kuasa pemerintah tempatan

31 Peta berikut menunjukkan kemaraan kuasa Barat di Asia Tenggara.



Apakah usaha British dalam menghadapi kemaraan tersebut?

A Menguatkan angkatan tenteranya

B Mendapat bantuan pembesar tempatan

C Membahagikan kawasan pengaruh Barat

D Menandatangani perjanjian dengan Siam

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor
Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

32 Pernyataan berikut merujuk kepada usaha perluasaan kuasa British di Kelantan.

Selepas Perjanjian Bangkok 1909 , J.S.Mason dilantik sebagai Penasihat British di Kelantan.

Mengapakah Sultan Kelantan tidak bersetuju dengan pelantikan tersebut?

A Menjejaskah hubungan dengan Siam

B Mencabul adat istiadat Melayu

C Menyekat aktiviti perdagangan

D Menggugat kedaulatan negeri

33 Garis masa berikut menunjukkan perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Siam.



Mengapakah perjanjian tersebut dimeterai?

A Mengawal kuasa residen

B Mengehadkan kuasa sultan

C Menyekat kemaraan kuasa lain

D Mengeksploitasi ekonomi negeri

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com [Lihat halaman sebelah

34 Maklumat berikut berkaitan dengan perlembagaan negeri Melayu.

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor
- Undang-undang Tubuh kerajaan Terengganu

Apakah persamaan perlembagaan tersebut?

A Menerap pengaruh Barat

B Menjamin kedaulatan negeri

C Mempelopori amalan demokrasi

D Menjadi asas Perjanjian Persekutuan

35 Rajah berikut menerangkan sumbangan Dato' Muhammad Salleh Perang kepada negeri Johor.



Apakah X?

A Memartabatkan bahasa Melayu

B Mewajibkan pendidikan rendah

C Melukis peta pembangunan negeri

D Menyekat kemaraan kuasa British

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

36 Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran di Sarawak.

Kurun ke-18		Kurun ke-19
Sultan Brunei melantik pembesar tempatan Sarawak untuk mentadbir Sarawak	→	Sultan Brunei melantik pembesar Brunei sebagai wakil pemerintah Kesultanan Brunei di Sarawak

Mengapakah Sultan Brunei membuat perubahan tersebut?

A Menamatkan pemberontakan

B Mengelak perebutan kuasa

C Menyekat pengaruh asing

D Menguasai kekayaan

37 Garis masa berikut menunjukkan penguasaan James Brooke di Sarawak.



Apakah kesan penguasaan tersebut?

A Cukai dihapuskan

B Majlis Undangan ditubuhkan

C Kuasa pembesar dimansuhkan

D Pemerintahan Brunei ditamatkan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com [Lihat halaman sebelah

www.myschoolchildren.com

38 Jadual berikut menunjukkan penglibatan pemimpin tempatan dalam pentadbiran Brooke di Sarawak.

Majlis	Keanggotaan
Tertinggi	Empat orang datu Melayu
Negeri	Ketua kaum bumiputera
Bahagian	Pegawai Anak Negeri, ketua kampung

Mengapakah Brooke melibatkan pemimpin tersebut dalam pentadbirannya?

I Memantapkan pentadbiran

II Mengukuhkan kedudukan

III Mewujudkan perpaduan kaum

IV Menggalakkan pelaburan tempatan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

39 Senarai berikut merupakan pembesar tempatan yang dilantik oleh James Brooke menyertai Majlis Tertinggi di Sarawak.

- Datu Bandar
- Datu Patinggi
- Datu Temenggung

Apakah peranan pembesar tersebut?

A Penguasa tentera

B Penyelaras cukai

C Penasihat pemerintah

D Pengawal hasil tempatan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

40 Jadual berikut menunjukkan bilangan sekolah mengikut jenis di Sarawak pada tahun 1938.

Jenis Sekolah	Bilangan
Sekolah Melayu	33
Sekolah Cina	144
Sekolah Dayak	1

Mengapakah bilangan Sekolah Dayak sedikit ?

A Menjimatkan perbelanjaan kerajaan

B Perpindahan kaum berleluasa

C Masalah kekurangan murid

D Pengekalan cara hidup

41 Rajah di bawah merujuk kepada perubahan nama syarikat yang mentadbir Sabah pada penghujung kurun ke-19.

1880		1882
Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad	→	Syarikat Borneo Utara British

Mengapakah penukaran nama tersebut dilakukan?

A Pengurusan syarikat berubah

B Pelaburan asing bertambah

C Piagam Diraja diperoleh

D Perkembangan ekonomi

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com [Lihat halaman sebelah

42 Tokoh berikut adalah pemimpin tempatan yang dilantik memegang jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB).

Tokoh Tempatan
• O.K.K. Pangeran Haji Omar • O.K.K. Haji Mohamad Arshad • O.K.K. Pengeran Mohamad Abbas

Mengapakah SBUB melibatkan tokoh tersebut dalam pentadbirannya?

A Mengiktiraf pemimpin tempatan

B Menjimatkan belanja pengurusan

C Memenuhi tuntutan penduduk

D Memberi latihan kepimpinan

43 Maklumat berikut menerangkan bidang kuasa mahkamah di Sabah semasa pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB).

• Undang-undang Islam • Hukum adat

Apakah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa tersebut?

A Mahkamah Sesyen

B Mahkamah Syariah

C Mahkamah Majistret

D Mahkamah Anak Negeri

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor
Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

44 Pernyataan berikut berkaitan dengan tanaman tembakau di Sabah.

Pada tahun 1902 hasil eksport tembakau di Sabah bernilai lebih dua juta dolar.

Mengapakah hasil tanaman tersebut meningkat?

A Dividen tinggi

B Cukai dikecualikan

C Tenaga buruh murah

D Kemudahan pengangkutan disediakan

45 Jadual berikut menunjukkan pembinaan landasan keretapi di Sabah.

Tarikh	Pembinaan Landasan Kereta Api
1896	Dibina menghubungkan Weston ke Beaufort
1905	Disambungkan dari Beaufort ke Jeselton dan dari Tenom ke Melalap

Apakah kesan pembinaan landasan keretapi tersebut?

A Perusahaan meningkat

B Pembukaan ladang getah

C Peningkatan taraf hidup rakyat

D Penghijrahan penduduk ke bandar

46 Senarai berikut merupakan tanaman tradisional di Tanah Melayu.

- Tebu
- Nanas
- Lada hitam

Mengapakah tanaman tersebut menjadi kurang penting pada kurun ke-20?

A Tiada permintaan

B Serangan penyakit

C Harga yang tidak stabil

D Kekurangan tenaga buruh

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com [Lihat halaman sebelah

47 Graf berikut menunjukkan harga getah di Tanah Melayu antara tahun 1929 hingga tahun 1933.



Apakah tindakan kerajaan untuk mengawal kejatuhan harga getah pada tahun 1930-an?

A Mempelbagaikan tanaman baharu

B Menetapkan kuota pengeluaran

C Mencegah serangan penyakit

D Mengurangkan kadar cukai

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

48 Carta berikut menunjukkan penguasaan orang Eropah dalam perusahaan bijih timah di Tanah Melayu pada tahun 1937.



Mengapakah pelombong Eropah berjaya menguasai perusahaan tersebut?

A Teknologi moden

B Cukai rendah

C Buruh ramai

D Dividen tinggi

49 Senarai berikut merupakan penyakit yang merebak di Tanah Melayu.

- Malaria
- Beri-beri

Apakah langkah yang diambil oleh British untuk mengatasi masalah berikut?

A Menubuhkan Institut Penyelidikan Perubatan

B Membina klinik di kawasan perlombongan

C Memeriksa tahap kesihatan buruh asing

D Menubuhkan Lembaga Kesihatan

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor [Lihat halaman sebelah

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

www.myschoolchildren.com

50 Dialog berikut mungkin berlaku pada tahun 1912.

Muthu	: Nampaknya anak-anak kita lebih mudah mendapat pendidikan selepas ini kerana sekolah Tamil bertambah
Kamala	: Betul tu. Selepas ini pengusaha ladang wajib menyediakan sekolah dan guru di ladang.

Mengapakah pengusaha ladang wajib menyediakan kemudahan tersebut?

A Sistem pendidikan terbuka

B Pendidikan sekular digalakkan

C Undang-undang Buruh diperkenal

D Enakmen Pendaftaran diwujudkan

51 Pernyataan berikut menerangkan usaha pemimpin Kedah mengembalikan kedaulatan negeri.

Pada tahun 1823, Tunku Abdullah memimpin 3000 orang tentera untuk membebaskan Kedah daripada Siam tetapi gagal.

Mengapakah usaha tersebut menemui kegagalan?

A Kekebalan kubu pertahanan

B Bantuan daripada British

C Taktik perang gerila

D Strategi lemah

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

52 Puisi berikut menerangkan penentangan rakyat akibat perubahan yang dibawa oleh British.

J.W.W. Birch Residen Perak
Membawa perubahan secara mendadak
Timbul bara membuak-buak
Terbunuhnya Birch di Pasir Salak

Apakah perubahan tersebut?

I Mencabuli adat resam

II Melarang memburu binatang

III Merampas tanah penduduk tempatan

IV Mengurangkan kuasa sultan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

53 Rajah berikut menerangkan sebab penentangan pemimpin tempatan terhadap British.



Siapakah X?

A Dol Said

B Tok Janggut

C Dato' Bahaman

D Dato' Maharaja Lela

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com [Lihat halaman sebelah

54 Rajah berikut menerangkan faktor penentangan Tok Janggut terhadap pentadbiran British di Kelantan.



Apakah **X**?

A Peraturan tanah

B Perlucutan gelaran

C Pencabulan adat resam

D Perkampungan dibakar

55 Senarai berikut menerangkan faktor penentangan Haji Abdul Rahman Limbong terhadap British di Terengganu pada tahun 1920-an.

- Menentang penguatkuasaan undang-undang binatang buas.
- Membantah peraturan tanah baru.
- Mempertikaikan pas kebenaran yang membebankan.

Mengapakah Haji Abdul Rahman Limbong bertindak sedemikian?

A Mempertahankan hak pembesar

B Menolak pemodenan barat

C Mengekalkan adat resam

D Membela nasib petani

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com

56 Petikan berikut merujuk kepada ucapan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1973.

Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, Perak disifatkan sebagai *The Cradle of Malay Nationalisme.*

Apakah sumbangan pelajar lepasan maktab tersebut?

A Menerbitkan majalah

B Menuntut pemulihan agama

C Menganjurkan kongres kebudayaan

D Menyemarakkan semangat kebangsaan

57 Senarai berikut ialah tokoh nasionalis berpendidikan Inggeris di Tanah Melayu.

- Dato'Onn Jaafar
- Ibrahim Hj Yaacob
- Mohammad Eunos Abdullah

Bagaimanakah mereka berjuang untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan?

A Menggubal undang-undang

B Mengasas fahaman radikal

C Menubuhkan persatuan

D Mendirikan madrasah

58 Jadual berikut merujuk kegiatan penulisan kreatif sebelum Perang Dunia Kedua.

Pengarang	Novel
Ishak Haji Muhammad	• Anak Mat Lela Gila • Putera Gunung Tahan

Apakah mesej yang ingin disampaikan melalui penulisan novel tersebut?

A Pemulihan agama

B Memupuk perpaduan

C Membela nasib bangsa

D Pendidikan kaum wanita

free Q papers, free skema at : www.myschoolchildren.com www.myschoolchildren.com

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor Kertas soalan mp lain terdapat di : www.myschoolchildren.com

59 Jadual berikut merujuk kepada penubuhan persatuan Melayu.

Tahun	Penubuhan Persatuan Melayu
1937	Persatuan Melayu Perak
1938	Persatuan Melayu Pahang
1939	Persatuan Melayu Sarawak

Apakah tujuan penubuhan persatuan tersebut?

A Mencetuskan perjuangan radikal

B Memperjuangkan kemerdekaan negara

C Mempelopori gerakan pemulihan Islam

D Meningkatkan sosioekonomi penduduk

60 Pernyataan berikut merujuk kepada persatuan yang ditubuhkan pada tahun 1934.

> Ramai pemuda Melayu telah mengganggotai Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) . Persatuan ini menggalakkan ahli-ahlinya dari Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah bertukar-tukar pendapat.

Mengapakah mereka menganggotai pertubuhan tersebut?

A Menyokong Gerakan Islah

B Mewujudkan perpaduan Melayu

C Menuntut kemerdekaan Tanah Melayu

D Memperjuangkan penubuhan Askar melayu

KERTAS SOALAN TAMAT

www.myschoolchildren.com

 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Selangor

Kertas soalan mp lain terdapat di :
www.myschoolchildren.com